



## **UCAPAN**

**YANG BERHORMAT  
PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA DATO SERI SETIA  
AWANG HAJI YAHYA BIN BEGAWAN MUDIM  
DATO PADUKA HAJI BAKAR  
MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**MAJLIS PELANCARAN  
PROGRAM JERAYAWARA HIDUPAN LIAR  
KE SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KERAJAAN  
DAN SWASTA DI SELURUH NEGARA**

**ANJURAN BERSAMA  
BAHAGIAN HIDUPAN LIAR  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN  
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN  
SYARIKAT BRUNEI METHANOL SDN BHD**

**TEMPAT:  
DEWAN PUSAT INSANI, PEKAN SERIA, BELAIT**

**TARIKH:  
HARI SABTU, 5 MUHARRAM 1435 / 9 NOVEMBER 2013**

## **Bismillahir Rahmanir Rahim**

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang maha pengasih lagi maha penyayang kerana dengan limpah kurnia dan izinNya juga, kita dapat berkumpul beramai-ramai di Majlis yang penuh berkebajikan pada pagi ini.

Selawat serta salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

### **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Yang Mulia **Awang Haji Ajamain bin Haji Sawal**, Ketua Bahagian Hidupan Liar, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;

Yang Mulia **Awang Daud bin Haji Jais**, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Syarikat Brunei Methanol Sdn Bhd selaku Pengerusi Bersama Majlis;

Yang Mulia **Mr Akira Ishiwada**, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Brunei Methanol Sdn Bhd;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Yang Mulia Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan; Pegawai Daerah Belait; Ketua-Ketua Jabatan; Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dan Swasta, Guru-Guru Besar, Guru-Guru dan Murid-Murid serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

- 1) Terlebih dahulu, saya sukacita ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Ahli Jawatankuasa Majlis, kerana menjemput saya selaku Tetamu Kehormat Majlis pada pagi ini.
- 2) Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengerusi Bersama Majlis iaitu Bahagian Hidupan Liar, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Syarikat Brunei Methanol Sdn Bhd, kerana telah berjaya mengungkayahkan Program Jeryawara ini.

**Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,**

3) Sejak penubuhan Bahagian Hidupan Liar dibawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada 6 Oktober 2012 yang lalu, beberapa siri Program Jerayawara telah pun dilaksanakan dengan memberikan perhatian dan tumpuan dalam memberigakan dan mengetengahkan kewujudan Bahagian Hidupan Liar serta menyebarluaskan peranan, tugas dan tanggungjawab mengenai pengurusan hidupan liar di Negara ini kepada masyarakat umum, selain dari menerapkan nilai-nilai murni di semua peringkat masyarakat agar mereka akan dapat menghargai kepentingan untuk melindungi dan memelihara hidupan liar dan pada masa yang sama memelihara ekosistem alam semulajadi dan alam sekitar.

4) Saya percaya bahawa usaha untuk mendidik dan memberi kesedaran perlulah bermula dari peringkat paling awal lagi. Justeru itu, sebagai kesinambungan kepada usaha berterusan pihak Kementerian ini, maka **Program Jerayawara Hidupan Liar Ke Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta Di Seluruh Negara** ini senghaja dirancang sebagai langkah permulaan dalam memberikan pendedahan berupa

pendidikan luar darjah kepada para pelajar khususnya dalam mendekatkan diri mereka terhadap hidupan liar sebagai salah satu dari khazanah warisan alam semulajadi yang amat berharga.

5) Kita juga telah memilih tema **Sayangi dan Hargai Hidupan Liar Negara Kitani** khusus bagi Program Jerayawara ini sebagai manifestasi yang diharap akan dapat menyisipkan sikap positif dan menyemai rasa kecintaan dan penghargaan mereka terhadap kepentingan memelihara dan melindungi hidupan liar. Disamping itu, ianya juga dihasratkan akan dapat menyemai babit minat dan menyuntik semangat mereka terhadap aktiviti-aktiviti pembelajaran dan penyelidikan bagi melahirkan ilmuan tempatan dimasa hadapan yang mampu membongkar rahsia khazanah biodiversiti ini untuk keharmonian dan kesejahteraan yang berterusan. Untuk itu, bimbingan yang sempurna dan terarah adalah merupakan satu usaha yang perlu kita dokong dalam melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab memandangkan mereka adalah pewaris yang bakal mencorakkan keadaan alam sekitar pada masa hadapan.

**Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,**

- 6) Disamping program-program kesedaran dan mempromosikan pendidikan hidupan liar, masih terdapat banyak aspek yang perlu diperkuatkan bagi memastikan sumber fauna dan flora di Negara ini akan dapat terus dikawal dan ditadbir secara lestari, bukan sahaja dari aspek perundangan dan peningkatan sumber tenaga manusia, tetapi juga dalam mengukuhkan jaringan kerjasama dan komunikasi dengan pelbagai pihak yang berkepentingan – sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, masyarakat umum, dan sebagainya.
- 7) Usaha-usaha untuk melindungi dan memelihara hidupan liar ini bukan sahaja merupakan tugas dan tanggungjawab pihak Kerajaan semata-mata melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, tetapi juga adalah merupakan tugas dan tanggungjawab semua pihak.
- 8) Dalam hubungan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan Syarikat Methanol Brunei Sdn Bhd di atas komitmen dan sokongan yang telah diberikan untuk bekerjasama

dengan Bahagian Hidupan Liar, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam menjayakan Program Jeryawara Hidupan Liar Ke Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta Di Seluruh Negara. Kerjasama seumpama ini adalah merupakan satu inisiatif yang patut diberikan pujian kerana bukan sahaja ianya sekadar memenuhi tanggungjawab sosial korporat (Corporate Social Responsibility) pihak Syarikat, tetapi pada masa yang sama, ianya juga merupakan satu pendekatan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan ataupun Non-Government Organisations (NGO) yang dapat dijadikan contoh dan ikutan oleh pihak-pihak berkenaan yang lainnya dimasa akan datang.

9) Saya merasa amat gembira dan berbangga dengan komitmen Syarikat Brunei Methanol Sdn Bhd diatas sumbangan sebanyak B\$25,000.00 pada tahun ini bagi mendokong perlaksanaan sebahagian daripada program mengenai hidupan liar termasuklah Program Jeryawara pada hari ini.

10) Perlaksanaan program-program kesedaran seumpama ini adalah sangat penting bagi meningkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan mengurus, melindungi dan memelihara

hidupan liar. Melalui program kesedaran ini juga, adalah diharap, ianya akan dapat menanam rasa tanggungjawab dikalangan masyarakat umum dan pada masa yang sama mengubah perspektif masyarakat yang sebilangannya mempercayai bahawa memakan daging-daging hidupan liar ini mempunyai kesan positif kepada kesihatan individu. Perkara ini perlu diperjelaskan kerana sejauh ini, belum ada pengesahan secara saintifik yang mengesahkan khasiat positif dari memakan daging-daging hidupan liar, malah apa yang ditakuti adalah, ianya akan mendedahkan kepada pemakan daging-daging hidupan liar ini kepada jangkitan penyakit-penyakit yang berjangkit, kerana dikhuatir mungkin ada binatang-binatang yang diburu menghidap penyakit-penyakit yang kita tidak ketahui kesannya kepada kesihatan.

**Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,**

11) Kita telah memilih dan memberikan penghargaan kepada Daerah Belait bagi pelancaran Program Jerayawara ini dan akan dilaratkan kepada sekolah-sekolah rendah Kerajaan dan Swasta di Daerah-Daerah lain dalam waktu yang terdekat. Mudah-mudahan program seumpama ini akan memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya kepada para

pelajar dan kita berharap agar ilmu yang diperolehi akan dapat dikongsi bersama dengan rakan-rakan yang tidak berkesempatan untuk menyertai Program Jerayawara hari ini, termasuk dengan ibu bapa dan ahli keluarga yang terdekat.

- 12) Saya berharap, inisiatif murni seumpama ini akan dapat menjadi contoh tauladan bagi badan-badan korporat dan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan yang lainnya agar tampil kehadapan dalam sama-sama memberikan sokongan terhadap perlaksanaan program ini kearah memastikan kesejahteraan dan keselamatan hidupan liar fauna dan flora di Negara ini akan terus terjamin.
- 13) Untuk akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam sama-sama menjayakan majlis pada pagi ini.
- 14) To **Mr Akira Ishiwada**, thank you for the support from Brunei Methanol Co Sdn Bhd in ensuring the successful implementation of the wildlife roadshow.

15) Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim dan dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala serta dengan bersalawat kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacitanya **melancarkan Program Jerayawara Hidupan Liar Ke Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta Di Seluruh Negara.**

16) Sekian, terima kasih. Wabillahhittaufik  
Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.